



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
ARKIB NEGARA MALAYSIA

## TEKS UCAPAN PERASMIAN

YBHG. DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SEMPENA

PROGRAM BICARA CITRA MERDEKA

PADA

4 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)

9.00 PAGI

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PADANG SAUJANA,  
JERANTUT, PAHANG

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ إِلَيْهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera, salam perpaduan, dan salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis.

## **SALUTASI**

\**Disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur ke hadrat Allah s.w.t atas limpah rahmatNya dapat berkumpul dalam **majlis ‘Program Bicara Citra Merdeka’** bersempena Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2023.
  
2. Terima kasih atas **kerjasama dan penglibatan** Arkib Negara Malaysia (ANM), Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut dan SMK Padang Saujana, Jerantut, Pahang menjayakan program ini.

3. Selari dengan visi Kementerian Perpaduan Negara sebagai peneraju perpaduan yang inklusif ke arah kemakmuran bersama.
4. Program ini sebagai penggerak usaha kerajaan untuk memperkuatkan kesedaran tentang kemerdekaan seterusnya memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda masa kini.
5. Sokongan dan galakan agar program ini berterusan sebagai **medium memberi pendedahan kepada orang ramai** khususnya generasi muda dan golongan belia tentang **kepentingan pengetahuan sejarah kemerdekaan serta pembentukan Negara Malaysia**.
6. ANM turut menyediakan **pameran mengenai perpaduan** yang merupakan **elemen penting dalam membangunkan sesebuah negara dan memastikan kestabilan sesebuah negara**.
7. Program ini dapat **memupuk semangat nasionalisme dan semangat perpaduan** melalui perbincangan panel-panel yang arif dalam topik yang dibicarakan.

Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

8. Perancangan dan usaha berterusan perlu untuk **memupuk minat dan menggembungkan penyertaan golongan muda** sebagai pewaris bangsa. Golongan ini perlu sedar tentang kepentingan mewarisi dan meneruskan keamanan.

9. Perlu sentiasa **memperkuuhkan perpaduan nasional** bagi mengecapi keamanan dan mencapai cita-cita negara. Pembinaan negara bangsa **memerlukan kesatuan dan kesepaduan** rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya.
10. Selari dengan gagasan '**perpaduan dalam kepelbagaian**', pengukuhan **perpaduan nasional secara berterusan dan meningkatkan interaksi dalam kalangan pelajar** untuk perkongsian pengalaman dan aspirasi masa hadapan Malaysia.
11. Semangat cintakan negara dalam kalangan golongan muda dapat **menyumbang kepada keharmonian dan semangat kekitaan** yang tinggi dalam kalangan masyarakat majmuk serta **menyemai sikap saling hormat menghormati dan bersatu padu**.

## **PENUTUP**

12. Sekali lagi, **setinggi-tinggi tahniah dan jutaan terima kasih** kepada ANM, Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut dan SMK Padang Saujana yang menjayakan program hari ini.
13. Terima kasih kepada semua sekolah yang hadir memeriahkan program ini dan hadirin yang meluangkan masa ke program Bicara Citra Merdeka ini. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan pada masa hadapan.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Bicara Citra Merdeka ‘Penghayatan dan Kesedaran Semangat Nasionalisme’.

Wabillahitaufiq walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.